

11/06/1997

Isis belum siap kajian tindih kuasa

KUALA LUMPUR, Selasa - Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) masih belum menyiapkan kajian mengenai pertindihan bidang kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri mengenai hal ehwal alam sekitar.

Sehubungan itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata Kementerian akan memberi tempoh lebih lama bagi Isis menyiapkan kajian itu.

"Kita berharap mereka akan menyiapkan kajian itu hujung tahun ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai kajian Isis itu.

Kajian berkeanaa bertujuan mengatasi masalah proses perundangan dan pentadbiran dalam pengurusan alam sekitar di negara ini.

Kajian itu yang sepatutnya dikemukakan kepada Kementerian, April lalu dibuat selepas beberapa negeri mewartakan perundangan mengenai alam sekitar masing-masing yang bebas daripada Akta Kualiti Alam Sekeliling di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Kajian itu diteliti oleh satu jawatankuasa khas di Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sebelum ini, Law dipetik sebagai berkata, tiada apa-apa masalah mengenai pengurusan EIA di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Katanya, langkah akan terus diambil bagi melicinkan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di negara ini.

Terdahulu Law menyampaikan sijil biasiswa daripada Tabung Biasiswa Sweden-Malaysia kepada 10 pelajar yang akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang sains teknologi dan kejuruteraan di Sweden.

Tabung itu diwujudkan pada April 1994 sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Sweden pada masa itu Carl Bildt, yang kemudian bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi penaung tabung berkenaan.

(END)